

RABU • 02.08.2017

ALAMAKADEMI



DAING NASIR IBRAHIM (lima dari kiri) menyampaikan cenderamata kepada Wan Azhar Wan Yusoff atas pencapaian 99 peratus fakulti dalam kebolehpasaran graduan dalam majlis di UMP, Kuantan, Pahang, baru-baru ini.

95.1 peratus graduan peroleh pekerjaan

Tiga fakulti UMP capai kebolehpasaran graduan

M/S 30

Oleh MOHD. SHARIZA ABDULLAH
utusananktn@utusan.com.my

■ KUANTAN 1 OGOS

TIGA fakulti Universiti Malaysia Pahang (UMP) mencapai peratusan tertinggi dalam kebolehpasaran kerja graduan sepanjang tahun lalu, hasil keberkesanan pelbagai usaha dan langkah yang diambil universiti tersebut.

Fakulti Kejuruteraan Pembuatan UMP mencapai 99.1 peratus diikuti Fakulti Kejuruteraan Teknologi (97 peratus) dan Fakulti Sains dan Teknologi Industri (96.1 peratus).

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk

Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, kejayaan tersebut membolehkan UMP mencapai sebanyak 95.1 peratus graduan memperoleh pekerjaan mengikut rekod Kajian Pengesanan Graduan, iaitu kaji selidik yang dijalankan Kementerian Pendidikan Tinggi sepanjang tahun lalu.

“Pencapaian ini merupakan peningkatan yang boleh dibanggakan berkat hasil kerjasama Pusat Pembangunan dan Penempatan Kerjaya (CPDC), Jabatan Jaringan Industri dan Masyarakat bersama pihak fakulti dan pusat tanggungjawab universiti ini,” katanya dalam satu majlis baru-baru ini.

Yang turut hadir Penolong Naib

Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UMP, Prof. Dr. Jamil Ismail; Pendaftar UMP, Abd. Hamid Majid; Pengarah CPDC universiti berkenaan, Datuk Jeffrey Khor Choi dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Prof. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff.

Menurut Daing Nasir, pelbagai program dianjurkan oleh CPDC dan pengurusan fakulti di universiti berkenaan untuk memberi kefahaman lebih baik bagi memenuhi keperluan pasaran kerjaya graduan.

Kata beliau, syarikat yang terlibat seperti RP Chemicals, Kaneka Malaysia dan TT Elektronik memberikan pendedahan kepada penuntut UMP dalam menghadapi

cabaran kerjaya pada masa akan datang.

“Selain itu, inisiatif-inisiatif bagi memotivasikan penuntut sebagai persediaan kerjaya masa depan turut diadakan seperti pelancaran *Indie-Zone* dan Program *Finish Up & Move On* (FUMO).

“Penuntut juga mengikuti sesi *mock interview* bagi meningkatkan keyakinan diri semasa menjalani sesi temuduga yang sebenar,” katanya.

Tambah beliau, mahasiswa UMP turut mengikuti Program *Boot Camp* yang dianjurkan bersama TalentCorp Malaysia untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran insaniah, persediaan temuduga dan etika pemakaian.